

PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Tajuddin Atan

**DATO'
TAJUDDIN ATAN**
Ketua Pegawai Eksekutif

PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Para Pemegang Saham,

Sepanjang tahun kewangan ini, kita mengorak satu langkah penting ke hadapan dalam merealisasikan nilai daripada potensi kita untuk mencatatkan prestasi kewangan terbaik sejak tahun 2008. Walau bagaimanapun, ini hanyalah sebahagian kecil daripada potensi kita, kerana kita akan meningkatkan lagi keupayaan dalam mengatur rentak bagi baki dua tahun pelan tindakan strategik kita. Prestasi yang ditunjukkan pada TK2014 telah mencipta nilai yang signifikan untuk pemegang saham kita, di mana kita terus membina asas pelaburan kita dengan mendekati pelabur baharu dan meningkatkan perkhidmatan untuk pelabur sedia ada.

2014: MEMBANGUNKAN KOMUNITI DAN KEUPAYAAN

Apabila rombakan teknologi selesai sepenuhnya pada tahun 2013, kita mengorak langkah ke hadapan berteraskan dua tumpuan: pengekstrakan nilai dan pembangunan masa depan. Bagi mencapai tujuan ini, kita telah melaksanakan inisiatif jangkauan yang melangkaui kaedah komunikasi tradisional, di samping meningkatkan struktur pasaran kita.

Hasil daripada inisiatif ini, kini kita mempunyai pasaran yang lebih mudah diakses, rangkaian produk yang lebih luas dan persekitaran perdagangan yang lebih membantu, di mana semua faktor ini menggalakkan lebih banyak penyertaan runcit dalam pasaran. Beberapa pencapaian penting untuk tahun ini adalah:

- Mewujudkan eKomuniti BursaMKTPCLC yang dinamik untuk mendekati generasi pelabur runcit baharu.
- Memperkenalkan Indeks Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) untuk meningkatkan kemampuan pasaran.
- Meluaskan rangkaian produk kita untuk meningkatkan tarikan kepada pelabur baharu dan lama.
- Memperkemas dasar supaya pasaran kita lebih mudah diakses dan menjadi lebih cekap.
- Menjadi Bursa pertama di kalangan semua peserta ASEAN Trading Link untuk menawarkan perkhidmatan pascadagangan ASEAN.

Pencapaian ini telah meningkatkan keberkaitan kita sebagai pasaran untuk pelabur domestik dan serantau, dan membawa kita lebih dekat dengan matlamat untuk menjadi sebuah Organisasi Berprestasi Tinggi (HPO) dan bursa yang terkemuka di rantau ASEAN.

Hari ini, Bursa Malaysia adalah pasaran yang lebih kompetitif dan membantu memanfaatkan dan merebut peluang yang ditawarkan oleh ASEAN. Meskipun kita terus membina pencapaian pada tahun 2014, terutamanya dalam mendekati masyarakat, inisiatif-inisiatif untuk mencapai kemampuan jangka panjang akan terus dijalankan.

PENCAPAIAN 2014

- ✓ Prestasi kewangan terbaik sejak tahun 2008 dengan PATAMI sebanyak RM198.2 juta
- ✓ Memanfaatkan komunikasi digital melalui pelancaran BursaMKTPCLC
- ✓ Menerajui amalan mampan dengan memperkenalkan Indeks Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) - FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM)
- ✓ Penawaran pasaran yang berkembang dengan tambahan kontrak kadapan denominasi USD untuk minyak sawit yang ditapis, diluntur dan dinyahbau serta Dana Dividen Islamik MyETF MSCI Malaysia
- ✓ Struktur penyertaan derivatif dirombak untuk mengurangkan kos kamasukan
- ✓ Panduan baharu diperkenalkan untuk Penasihat Bebas dan rangka kerja yang dikeluarkan memberikan fleksibiliti untuk pembukaan akaun dagangan pelanggan
- ✓ Melancarkan perkhidmatan pascadagangan ASEAN untuk menyokong pelabur serantau kita

PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

MEMBANGUNKAN KEUPAYAAN

Kunci kepada kejayaan dan kemampuan masa depan kita ialah wujudnya masyarakat pelabur yang teguh. Dari inovasi media digital hinggalah kepada penambahbaikan struktur pasaran baharu, inisiatif kita pada tahun 2014 telah mencipta nilai untuk pemegang kepentingan, di samping mengukuhkan integriti dan kecekapan pasaran. Inisiatif-inisiatif ini pada tahun 2014 menumpukan kepada tiga bidang teras:


1. Mendekati dan membina masyarakat
2. Meningkatkan struktur pasaran dan mengekalkan pasaran yang adil, teratur dan berkesan
3. Meningkatkan lagi transformasi kita menjadi HPO

Pencapaian ini telah meletakkan kita dalam hala tuju yang betul ke arah menjadi Pasaran Multinasional ASEAN dan menuju kemampuan jangka panjang.

MEDEKATI DAN MEMBINA MASYARAKAT

Selaras dengan usaha kita dalam mentakrifkan semula institusi sebagai sebuah bursa saham, aktiviti sepanjang tahun 2014 hingga 2016, akan menyaksikan kita membuat kenyataan yang kukuh tentang nilai kita kepada pelabur serantau dan global - iaitu sebagai sebuah masyarakat yang terjal di kalangan rakan kongsi, pelanggan, syarikat dan pelabur bekerja, yang bersama-sama memacu pasaran modal Malaysia untuk maju ke hadapan.

Kita jadikan pembinaan masyarakat sebagai titik utama pada tahun 2014, membolehkan Bursa Malaysia untuk mengembangkan keupayaannya dan mendekati semua pemegang kepentingan, terutamanya kepada pelabur runcit yang baharu dan tenaga kerja profesional muda. Menurut Credit Suisse dan Jabatan Perangkaan Malaysia, Malaysia akan menjadi salah sebuah negara yang mempunyai penduduk bekerja dengan pertumbuhan yang paling cepat di dunia mulai sekarang hingga tahun 2020. Kumpulan demografi yang akan menyertai tenaga kerja pula merupakan teras masa depan bagi asas pelabur runcit kita, dan kita mesti memulakan langkah dari sekarang untuk menggalakkan penyertaan mereka dalam pasaran kita.



MEDEKATI GENERASI DIGITAL

Program utama di bawah inisiatif jangkauan digital kita adalah BursaMKTPLC, portal dalam talian sehenti untuk semua pedagang dan pelabur yang kita lancarkan pada 28 April 2014. BursaMKTPLC adalah pasaran maya pertama seumpamanya, yang menawarkan pengalaman yang benar-benar unik untuk pengguna, direka untuk menyediakan pemahaman pasaran, maklumat penentuan harga dalam talian dan pendidikan pelabur. Matlamat kita adalah untuk mewujudkan eKomuniti yang aktif dan bersemangat serta memberi tumpuan kepada meningkatkan perdagangan dan membangunkan celik kewangan.

MENINGKATKAN PENDIDIKAN DAN KESEDARAN PELABUR

Pada tahun 2014, kita telah menjalankan beberapa program pendidikan dan penglibatan melalui sesi advokasi dan bengkel untuk menyampaikan mesej teras kita kepada pelbagai pemegang kepentingan seperti penerbit, pengantara kewangan dan pelabur runcit. Untuk mewujudkan kesedaran mengenai tahap dan kualiti pendedahan oleh penerbit tersenarai berhubung dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, kita juga menerbitkan Hasil Pendedahan Tadbir Urus Korporat dalam Laporan Tahunan. Di kalangan belia, kita meningkatkan penglibatan dengan kumpulan demografi ini melalui Kelab Pelabur Muda Bursa (BYIC) dan program Korporat Muda Malaysia (YCM). Saya bersyukur kerana diberi peluang untuk bercakap secara langsung dengan beberapa peserta program dan maklum balas yang saya terima semasa sesi soal jawab telah menyakinkan saya bahawa kita akan menyaksikan pertumbuhan yang berterusan dalam pasaran modal.

PELANCARAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN BAHARU

Kita terus memperluaskan rangkaian produk dan perkhidmatan kita untuk menawarkan lebih banyak pilihan kepada pelanggan kita yang sedia ada dan untuk menarik pelanggan baharu. Walaupun inovasi adalah satu keutamaan bagi kita, kita mengambil langkah berhemat untuk memastikan penawaran baharu kita berada dalam julat risiko yang boleh diterima dan menambah nilai kepada peranan kita sebagai Bursa. Kita juga telah memperkenalkan pelbagai produk dagangan baharu untuk pasaran sekuriti dan pasaran derivatif. Maklumat mengenai produk-produk ini dan ESG diperincikan dalam bahagian masing-masing dalam laporan tahunan ini.

KERJASAMA DENGAN PASARAN LUAR

Untuk memperluaskan lagi jangkauan pasaran di luar sempadan kita, kita telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Saudi Stock Exchange (Tadawul) untuk menjayakan aktiviti rentas sempadan dalam membangunkan pasaran modal. MoU tersebut akan meningkatkan hubungan kewangan dan ekonomi antara Malaysia dan Arab Saudi, di samping memudahkan pertukaran pengetahuan dan kepakaran pasaran modal.

PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

MENINGKATKAN STRUKTUR PASARAN

Kita sentiasa mencari jalan untuk membangunkan struktur pasaran untuk menjamin kemampunan jangka panjang. Salah satu inisiatif utama kita yang direka untuk meningkatkan struktur pasaran adalah pelaksanaan perkhidmatan Pascadagangan ASEAN. Kita adalah bursa pertama dalam ASEAN Trading Link yang melaksanakan perkhidmatan ini dan kita percaya bahawa ia akan memberi nilai tambah yang penting kepada peniaga pasaran kita.

Kita juga telah mengambil langkah-langkah untuk memudahkan akses kepada pasaran dengan menyelaraskan syarat kemasukan melalui perubahan dasar seperti rombakan dalam struktur penyertaan pasaran derivatif. Langkah ini adalah selaras dengan usaha keseluruhan kita untuk menjadikan kita pasaran yang lebih cekap dan berkesan.

MENGEKALKAN PASARAN YANG ADIL, TERATUR DAN CEKAP

Bursa Malaysia memainkan peranan mengawal selia untuk menegakkan integriti pasaran dengan memastikan pasaran adalah adil, teratur dan berkesan. Untuk tujuan ini, kita terus melihat perkembangan baharu dalam amalan terbaik bagi pasaran dan menyokong amalan-amalan ini di kalangan PLC kita.

Usaha kita dalam bidang ini telah membantu melonjakkan tahap keseluruhan tadbir urus korporat (CG) dalam PLC Malaysia - satu peningkatan yang telah diiktiraf oleh pemantau CG antarabangsa.

TRANSFORMASI KEPADA HPO

Kita telah mengambil satu lagi langkah ke hadapan pada tahun 2014 untuk menjadikan Bursa Malaysia sebagai sebuah HPO. Pengambilan bakat dan reformasi pengurusan terus menjadi pemboleh utama transformasi ini dan kita terus memacu pembangunan barisan bakat dengan melaksanakan pengambilan pekerja dan strategi pengkalan agresif.

Kita telah menyandarkan keupayaan yang sejajar dengan permintaan kita untuk standard tadbir urus yang lebih tinggi dan kita meneruskan proses menginstitusikan tanda aras prestasi baharu ke dalam budaya korporat kita.

Untuk menyokong langkah kita ke arah menjadi sebuah HPO, Kumpulan Sumber Manusia (GHR) telah memperkenalkan beberapa program pengurusan bakat yang direka untuk menjamin kemampunan jangka panjang dan memenuhi keperluan bakat masa depan.

PRESTASI TERBAIK SEJAK 2008

Prestasi kewangan pada tahun 2014 adalah yang terbaik sejak tahun 2008 dan menunjukkan arah trend yang betul. Bursa Malaysia mencatatkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) sebanyak RM198.2 juta (+ 15% tahun ke tahun), nisbah kos-kepada-pendapatan yang lebih baik iaitu sebanyak 46.1% (-2 mata peratusan tahun ke tahun) dan pulangan yang lebih tinggi ke atas ekuiti (ROE) sebanyak 25.4% (+5 mata peratusan tahun ke tahun). Prestasi kewangan bagi tahun kewangan ini telah didorong oleh jumlah dagangan yang lebih tinggi dalam ketiga-tiga pasaran disebabkan oleh penyertaan dalam negeri yang lebih tinggi.

SOROTAN KEWANGAN

Keputusan Kewangan	2014	2013	% perubahan
	RM juta	RM juta	
Hasil Operasi	471.3	439.8	+7%
Pendapatan Lain	32.5	35.2	-8%
Perbelanjaan Operasi	(232.0)	(229.4)	+1%
Keuntungan Sebelum Cukai	271.8	245.6	+11%
Perbelanjaan Cukai Pendapatan	(67.8)	(66.2)	+2%
Keuntungan Selepas Cukai	204.0	179.4	+14%
Kepentingan Minoriti	(5.8)	(6.3)	-8%
PATAMI	198.2	173.1	+15%
Nisbah Kewangan			
Kos untuk Nisbah Pendapatan	46.1%	48.3%	2 titik peratusan
Pulangan ke atas Ekuiti	25.4%	20.7%	5 titik peratusan

PERTUMBUHAN 7% DALAM HASIL OPERASI

Hasil operasi meningkat kepada RM471.3 juta pada tahun 2014 daripada RM439.8 juta pada tahun 2013, yang mewakili pertumbuhan sebanyak 7%. Selain daripada hasil dagangan yang lebih tinggi daripada ketiga-tiga pasaran, pertambahan jumlah penyenaian waran berstruktur baharu dan terbitan sekunder pada tahun 2014 juga meningkatkan pertumbuhan hasil.


Hasil daripada aktiviti perdagangan sekuriti kita telah meningkat sebanyak 10% kepada RM239.1 juta pada tahun 2014 daripada RM217.3 juta pada tahun 2013. Pertumbuhan hasil disokong pula oleh penyertaan dalam negeri yang lebih tinggi, terutamanya dalam segmen runcit.

Derivatif Pasaran menyaksikan sedikit peningkatan dalam hasil dagangan iaitu sebanyak RM70.6 juta daripada RM70.3 juta pada tahun 2013. Walaupun jumlah dagangan menunjukkan peningkatan 16% yang sihat, jaminan dan yuran pengurusan cagaran yang lebih rendah mengimbangi peningkatan tersebut.

PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Sementara itu, dagangan Bursa Suq Al-Sila ' (BSA) terus menunjukkan arah trend menaik dengan hasil yang meningkat sebanyak 72% kepada RM10.0 juta pada tahun 2014. Pertumbuhan hasil yang berterusan dalam perdagangan BSAS sejak beberapa tahun yang lalu adalah satu petunjuk yang positif terhadap penerimaan BSAS yang semakin meningkat oleh bank-bank tempatan dan penerbit sukuk, yang merupakan petanda baik bagi kita, seiring dengan strategi untuk memanfaatkan status Malaysia sebagai pasaran modal Islam yang terkemuka.

HASIL OPERASI (RM juta)




PERBELANJAAN OPERASI DISTABILKAN; SIMPANAN TERHASIL DARIPADA PELABURAN TEKNOLOGI

Jumlah perbelanjaan operasi meningkat sebanyak 1% kepada RM232.0 juta pada tahun 2014 berbanding RM229.4 juta pada tahun 2013. Perbelanjaan kita bagi tahun tersebut terus menumpukan kepada pembinaan bakat dan pembangunan ke arah menyokong wawasan kita untuk berubah menjadi HPO. Kos kakitangan meningkat 6% kepada RM127.6 juta pada tahun 2014 daripada RM120.0 juta pada tahun 2013.

Perbelanjaan operasi lain, termasuk pemasaran dan pembangunan, yuran profesional dan perbelanjaan pentadbiran, terus meningkat seiring dengan peningkatan keupayaan dan pencapaian kita di rantau ini. Walau bagaimanapun, pertumbuhan keseluruhan dalam perbelanjaan operasi kita telah diimbangi oleh kos susut nilai yang lebih rendah di mana kita telah berjaya menggantikan sistem perdagangan terdahulu dengan sistem Bursa Trade Securities 2 (BTS 2) yang mempunyai kapasiti lebih tinggi dan lebih cekap dari segi kos.

PERBELANJAAN OPERASI (RM juta)



GANJARAN KEPADA PEMEGANG SAHAM

Lembaga Bursa Malaysia Pengarah telah mencadangkan dividen akhir sebanyak 18 sen tertakluk kepada kelulusan pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan diadakan pada bulan Mac 2015. Jika diluluskan, jumlah dividen yang dibayar oleh Bursa Malaysia pada tahun 2014 akan berjumlah 54 sen sesaham, termasuk dividen khas 20 sen dan dividen interim 16 sen yang dibayar pada bulan Ogos 2014. Jumlah dividen yang dibayar sebanyak RM288.1 juta mewakili hasil dividen sebanyak 6.7%.

PRESTASI SEGMENT

Pasaran Sekuriti, serta Pasaran Islam dan Alternatif (IAM), terus menunjukkan kemajuan yang baik, manakala Pasaran Derivatif telah terjejas oleh perolehan yuran pengurusan jaminan dan cagaran yang lebih rendah. Bursa juga telah terjejas oleh perkhidmatan broker yang lebih rendah daripada usaha rasionalisasi yang diambil oleh Bursa Malaysia untuk membolehkan broker menggunakan rangkaian mereka sendiri, dan perolehan pendapatan faedah yang lebih rendah selepas pembahagian dividen khas pada tahun 2013 dan 2014.

Kajian Segmen	2014	2013	% perubahan
	RM juta	RM juta	
Keuntungan / (Kerugian) Segmen Dari:			
Pasaran Sekuriti	294.3	256.8	+15%
Pasaran Derivatif	40.8	44.1	-7%
Pasaran Islam & Alternatif	5.4	0.9	+500%
Bursa	(8.9)	3.1	-387%
Jumlah Keuntungan Segmen	331.6	304.9	+9%
Overhed	(59.8)	(59.3)	+1%
Keuntungan Sebelum Cukai	271.8	245.6	+11%

PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

MENDUKUNG INTEGRITI PASARAN

Bursa Malaysia sentiasa berusaha untuk memenuhi peranan pengawalseliaan utama dalam memastikan pasaran yang adil, teratur dan berkesan. Komitmen ini adalah kunci utama untuk semua yang kita lakukan sebagai sebuah organisasi, dan kita bertanggungjawab untuk memastikan tanggungjawab ini dilaksanakan dengan cara yang terbaik berdasarkan kemampuan kita. Untuk tujuan ini, kita sentiasa melihat perkembangan baharu dalam amalan terbaik bagi pasaran, dan memastikan bahawa amalan-amalan ini dipatuhi oleh syarikat-syarikat tersenarai awam di Malaysia.

Pada tahun 2014, bagi memenuhi Prinsip *International Organisation* oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk Prinsip Infrastruktur Pasaran Kewangan 4, kita telah menyusun semula Dana Jaminan Penjelasan, dengan menggantikan Kemudahan Kredit Tunggu Sedia yang bernilai RM60 juta daripada Bursa Malaysia dengan tunai yang diperuntukkan daripada Bursa Malaysia *Securities Clearing*. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada amalan-amalan terbaik yang disyorkan, diterbitkan pada bulan Februari 2013, dan dijalankan secara bersama oleh Bank Dunia dan *International Monetary Fund* berhubung dengan Program Penilaian Sektor Kewangan pada Prinsip bagi Infrastruktur Pasaran Kewangan. Penyusunan semula telah berkesan dalam menguatkan rangka kerja pengurusan risiko kredit dan memberikan lebih kejelasan mengenai akses dan ketersediaan dana sekiranya lalai. Kita juga mengambil tindakan proaktif untuk menguruskan pelbagai jenis risiko yang boleh menjejaskan perniagaan kita dan pasaran.

Bagi memastikan pasaran kita beroperasi dengan cara yang adil, teratur dan berkesan, serta integriti pasaran dipertahankan, kita telah melaksanakan langkah-langkah mitigasi dan kawalan untuk menguruskan gangguan perniagaan, peraturan pasaran dan risiko sistemik. Kita dengan bangganya melaporkan bahawa kedua-dua sistem sekuriti dan dagangan derivatif telah mencatatkan masa hidup 100% pada tahun 2014.

Selain risiko biasa, kita juga berwaspada dengan sebarang risiko baharu yang boleh menimbulkan ancaman kepada Bursa Malaysia. Contohnya, kita menjadikan keselamatan siber sebagai keutamaan kita pada tahun 2014, dan telah melanggan perkhidmatan *Securities Operations Centre* untuk menangani potensi ancaman digital terhadap sistem kita. Kita juga telah menerima pensijilan ISO27001 daripada Cyber Security Malaysia, yang memperakui bahawa sistem kita menepati matriks data dan perlindungan maklumat yang diperlukan.

Pada tahun lepas, kita telah melaksanakan Had Harga Akhir untuk mengawal lanturan harga semasa 15 minit terakhir dagangan. Sebagai sebahagian daripada mandat kita untuk mengekalkan pasaran yang adil dan teratur, ciri kawalan pasaran ini turut melengkapi Had Harga Statik dan Had Harga Dinamik sedia ada untuk mengelakkan turun naik mendadak dalam harga sekuriti dagangan akibat kesilapan dagangan dan lanturan lain semasa pasaran ditutup.

MEMANFAATKAN NADI GLOBAL

Sebagai pemain serantau dan global, kita sentiasa peka dengan nadi trend global untuk memastikan bahawa rancangan yang dibuat mampu memanfaatkan sebahagian besar peluang yang wujud daripada persekitaran pelaburan yang dinamik.

Trend global yang berubah-ubah menjadi cabaran dan peluang untuk kita, dan kita harus pantas memanfaatkan perkembangan baharu untuk kekal mapan. Kita telah

menyesuaikan beberapa keutamaan sebagai tindak balas kepada perkembangan global dan beroleh ganjaran daripada langkah tersebut. Berikut adalah beberapa trend utama berkenaan dengan industri ini dan tindak balas kita.

1. Pertumbuhan pantas dalam perniagaan derivatif:

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, industri bursa telah menyaksikan kepentingan yang semakin meningkat dan pertumbuhan pesat perniagaan derivatif. Trend ini berterusan pada tahun 2014, yang terbukti dengan aktiviti penggabungan dan pemerolehan yang melibatkan bursa derivatif dan MoU yang ditandatangani bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama dan hubungan antara pelbagai bursa.

Kita menyedari peningkatan minat dalam produk derivatif, terutamanya oleh segmen runcit, dan telah memulakan beberapa inisiatif termasuk program pendidikan dan kesedaran untuk memastikan bahawa peserta runcit kita bersedia untuk berdagang dalam produk derivatif. Kita juga telah menjadikan kos kemasukan yang lebih murah supaya Peserta Dagangan boleh mengambil kesempatan daripada minat yang semakin meningkat dalam dagangan derivatif.

2. Peningkatan kepentingan data dan maklumat pasaran:

Data Pasaran dan Perkhidmatan Maklumat semakin diiktiraf pada tahun-tahun kebelakangan ini sebagai bidang utama pertumbuhan bagi bursa dalam melangkah ke hadapan, dan kini dilihat sebagai garis hasil yang ketara dalam hak yang tersendiri. Tahun 2014 menyaksikan usaha bursa untuk memperbaiki bidang ini dengan memperluaskan tawaran perkhidmatan mereka dan mengadakan kerjasama rentas sempadan.

Seperti yang kita lihat dalam analisis kewangan Pasaran Sekuriti, sumbangan daripada segmen Data Pasaran menunjukkan kenaikan peratusan hasil tertinggi berbanding segmen lain. Antara sebab utamanya ialah pelaburan kita dalam pakej maklumat baharu. Kita percaya bahawa permintaan untuk data pasaran kita akan terus berkembang, terutamanya apabila negara-negara ASEAN terus menjadi terkenal sebagai destinasi pelaburan utama.

3. Meningkatkan globalisasi dagangan dan pelaburan:

Walaupun globalisasi dagangan dan pelaburan telah menjadi perkara biasa dalam industri bursa sejak beberapa dekad yang lalu, tahun 2014 menyaksikan pembangunan dalam bidang ini di mana negara-negara seperti China, Thailand dan Arab Saudi telah meminta kelulusan pengawalseliaan bagi dagangan rentas sempadan dan penyenaian yang lebih meluas. Pembentukan AEC dijangka akan berlaku menjelang akhir tahun 2015 dengan jangkaan pengurangan halangannya membuktikan lagi trend ini.

Selain aktiviti jangkauan yang kita jalankan di negara-negara serantau, kita juga telah meluaskan sasaran untuk memerhati rakan strategik yang lain seperti *Saudi Stock Exchange* (Tadawul), melalui MoU yang ditandatangani bersama. Kita masih berwaspada dalam memilih rakan kongsi kerana kita perlu meyakini faedah bersama dari segi penciptaan nilai.

Adalah penting untuk menyedari bahawa trend global adalah dinamik dan mempunyai kesan langsung dan tidak langsung kepada perniagaan kita. Untuk memastikan kemampuan jangka panjang kita sebagai sebuah perniagaan, kita mesti terus memantau dan mengawal trend pasaran dan peraturan yang berubah-ubah, serta menyesuaikan kedudukan kita berhubung dengan perkembangannya.

PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

MELANGKAH KE HADAPAN

TINJAUAN OPTIMIS DI SEBALIK CABARAN 2015


Tahun 2015 mula membentuk satu lagi tahun yang mencabar dengan pasaran global yang kekal tidak menentu. Kita percaya bahawa kita akan terus menyaksikan cabaran dalam bentuk tekanan ke atas harga komoditi dan turun naik dalam harga mata wang. Walau bagaimanapun, kita tetap yakin bahawa inisiatif yang telah diambil dan dirancang akan membolehkan kita mengekalkan momentum yang kita hasilkan sendiri.

Trend PATAMI yang menaik dan hasil operasi yang ditambah pula dengan perbelanjaan operasi terurus dalam tempoh enam tahun terdahulu adalah bukti bahawa blok binaan dan proses yang kita sediakan telah banyak membantu walaupun dalam keadaan operasi yang mencabar. Dengan kedudukan asas yang kukuh, kita percaya bahawa kita juga akan dapat menghadapi tahun 2015 dengan jangkaan yang optimis.

Selain daripada ekonomi global, kita juga menghadapi cabaran dalam bentuk persaingan yang lebih besar daripada bursa lain di rantau ini dan dalam mengemudi keperluan peraturan yang berubah-ubah. Walau bagaimanapun, kita percaya bahawa catatan rekod Malaysia sebagai pasaran yang berdaya tahan dengan kekuatannya dalam perlindungan pelabur dan rangka kerja tadbir urus korporat yang kukuh akan terus menjadi daya tarikan kepada pelabur, akan menyokong agenda pertumbuhan di samping mengekalkan keyakinan dan integriti pasaran.

PERTUMBUHAN HASIL DAN KEUNTUNGAN; PERBELANJAAN PENGURUS

- Hasil Operasi (RM juta)
- Perbelanjaan Operasi (RM juta)
- ◆ PATAMI (RM juta)
- ◆ ROE



* PATAMI bagi tahun 2009 tidak termasuk keuntungan daripada pelupusan anak syarikat.

MENGAMBIL LANGKAH SETERUSNYA DALAM MEREALISAKAN NILAI PEMEGANG SAHAM

Kita terus mengorak langkah untuk mengubah potensi kita menjadi nilai untuk pemegang kepentingan. Ini dapat dilihat daripada hasil dividen kita yang tinggi iaitu sebanyak 6.7% pada tahun 2014 dan nisbah kewangan utama yang lain. Pulangan kepada pemegang saham kita menunjukkan arah trend yang betul sejak tahun 2008. Pulangan atas Ekuiti meningkat kepada 25.4% pada tahun 2014 daripada 20.7% pada tahun 2013.

Sumber-sumber tambahan yang telah kita susun sejak beberapa tahun lalu termasuklah modal insan dan pembangunan infrastruktur, ditambah pula dengan penyelarasan proses, akan terus meningkatkan pulangan sebagai pengendali pertukaran kepada pemegang saham, sepertimana kita menumpukan pada peranan sebagai pengawal selia pasaran.

Kita yakin bahawa kita memiliki sebahagian besar komponen pada kedudukan yang diperlukan bagi kita untuk menjadi Pasaran Multinasional ASEAN, dan kini kita harus mendekati masyarakat pelabur untuk mengenal pasti cara terbaik untuk kita memenuhi keperluan mereka.

Pada masa yang sama, kita menyedari bahawa Bursa Malaysia memainkan peranan yang unik dan menjadi tanda aras bagi syarikat tersenarai awam yang lain. Malah, tema tindakan kita pada tahun 2015 adalah "Langit Terbuka, Memacu Kelestarian", yang meletakkan tadbir urus dan kemampanan dalam AEC bersepadu baharu, sebagai pusat tumpuan aktiviti kita.

PENGHARGAAN

Sejak beberapa tahun yang lalu, kita telah berusaha untuk mengubah Bursa Malaysia menjadi sebuah entiti yang mampu bersaing dengan bursa-bursa utama di rantau ini, tetapi langkah kita sebenarnya masih jauh. Kini tibalah masanya untuk kita buktikan bahawa kita bukan sahaja merupakan sebuah bursa yang berpotensi, tetapi juga mampu menawarkan nilai kepada semua pemegang kepentingan, daripada pemegang saham kepada orang awam.

Bagi pihak pengurusan Bursa Malaysia, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pemegang kepentingan yang telah sama-sama berusaha untuk meletakkan Bursa di kedudukan yang membanggakan. Saya ingin merakamkan penghargaan khas kepada kakitangan Bursa Malaysia, kerana tanpa mereka, semua yang dirancangan tidak mungkin menjadi kenyataan. Pelaksanaan adalah segala-galanya, dan saya percaya bahawa kemajuan yang telah dicapai dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini adalah bukti kejayaan pelaksanaan yang mereka lakukan.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan kita semua bahawa tugas kita baru sahaja bermula. Cabaran yang kita akan hadapi dalam landskap ASEAN yang baharu adalah sesuatu yang belum pernah kita lalui. Oleh itu, bersiap sedia untuk menghadapi halangan yang sukar di masa hadapan. Namun begitu, setiap cabaran akan membuka peluang baharu, dan saya teruja menantikan peluang yang akan kita terokai.

Saya berharap kita akan terus menerima sokongan daripada semua pemegang kepentingan, seiring langkah kita dalam menerokai pengalaman baharu di masa hadapan.